



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENGGUNAAN LAGU TERHADAP PENGUASAAN BACAAN AWAL BAHASA INGGERIS KANAK-KANAK PRASEKOLAH



05-4506832



pustaka

MANISAH BINTI CHE NAWI



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENGGUNAAN LAGU TERHADAP PENGUASAAN BACAAN AWAL BAHASA INGGERIS KANAK-KANAK PRASEKOLAH

MANISAH BINTI CHE NAWI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN**KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 19 Mei 2021.

i. Perakuan pelajar :

Saya, Manisah bt Che Nawi, M20142001924 / Fakulti Pembangunan Manusia dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk Keberkesanan Penggunaan Lagu Terhadap Penguasaan Bacaan Awal Bahasa Inggeris Kanak-Kanak Prasekolah adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof Madya Dr Loy Chee Luen dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Keberkesanan Penggunaan Lagu Terhadap Bacaan Awal Bahasa Inggeris Kanak-Kanak Prasekolah dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan.



DR. LOY CHEE LUEN
Associate Professor
Department of Early Childhood Education
Faculty of Human Development
Sultan Idris Education University

19 Mei 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Keberkesanan Penggunaan Lagu Terhadap Penguasaan Bacaan
Awal Bahasa Inggeris Kanak-kanak Prasekolah

No. Matrik /Matric's No.: M20142001924

Saya / I : Manisah bt Che Nawi

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 15 Mei 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Ucapan syukur yang tidak terhingga kepada Allah SWT kerana dengan izinNya jua saya diberi kekuatan untuk melengkapkan disertasi ini hingga ke noktah terakhir. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat serta para pengikut baginda SAW. Setinggi- tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr Loy Chee Luen, pensyarah penyelia yang sentiasa memberi bimbingan dan dorongan dalam melengkapkan disertasi ini. Tidak dilupakan panel penilai, Prof. Madya Dr Abdul Halim Masnan dan Dr Anis Norma Mohamad Jaafar yang turut memberi tunjuk ajar dalam menyempurnakan kajian ini. Kepada suami, ibu, ayah, ahli keluarga serta anak-anak; 'Awatif, Faris, Fawwaz, Asmak, Mujahid dan Awad yang begitu memahami serta sentiasa mendoakan kejayaan buat insan kerdil ini. SBM, teman yang sentiasa memberi sokongan kepada diri ini dalam menempuh liku-liku kehidupan seorang mahasiswa. Tidak dilupakan Kak Ros, Kak Yaty, Mus, Fida, Sis Rengammal, Sis Puva serta sahabat seperjuangan, Suhaila, Aini, Ruby dan Atie. Kata-kata positif dan kasih sayang kalian semua sangat bermakna. Hanya Dia jua yang mampu membalasnya.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan penggunaan lagu terhadap penguasaan bacaan awal Bahasa Inggeris kanak-kanak prasekolah. Bacaan awal dalam kajian ini merangkumi sebutan huruf vokal a, e, i, o, dan u, sebutan huruf konsonan c, z, l, f, t, n, j, p, m dan b. serta beberapa perkataan Bahasa Inggeris seperti *Sunday, Monday, Tuesday, Wednesday, Thursday, watch, play, draw, go to* dan *read*. Seramai 40 orang kanak-kanak prasekolah berumur lima tahun dari sebuah prasekolah di daerah Kulim Kedah terlibat dalam kajian ini. Reka bentuk kajian eksperimental dilakukan ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Data kajian diperolehi melalui ujian membaca. Data dianalisis menggunakan ujian- t berpasangan bagi mendapatkan min skor terhadap subjek dari kedua-dua kumpulan ini. Dapatan kajian bagi ujian pra antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan tidak menunjukkan signifikan (2.5). Hasil dapatan ujian pasca menunjukkan skor keseluruhan yang diperolehi oleh kumpulan rawatan bagi huruf dan perkataan yang diuji adalah sebanyak 26.4 manakala skor keseluruhan bagi kumpulan kawalan pula adalah 20.5. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan bagi markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan (5.9). Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan lagu telah membantu kanak-kanak prasekolah terhadap penguasaan bacaan awal Bahasa Inggeris mereka dengan lebih baik berbanding kaedah konvensional. Implikasi ke atas kajian ini menunjukkan bahawa lagu sangat sesuai dan boleh diperluas dalam membantu kanak-kanak menguasai kemahiran bacaan awal Bahasa Inggeris dengan lebih baik.





THE EFFECTIVENESS OF USING SONG IN EARLY READING ACQUIRING OF ENGLISH LANGUAGE AMONG PRESCHOOL CHILDREN

ABSTRACT

The purpose of this study is to test the effectiveness of using song in early reading acquiring of English language among preschool children. Early reading in this research including the pronounce of vocal letters a, e, i, o and u, the consonance letters c, z, l, f, t, n, j, p, m, b and few words like *Sunday, Monday, Tuesday, Wednesday, Thursday, watch, play, draw, go to* and *read*. 40 preschool children within the age of five from one preschool in Kulim district, Kedah have been selected to be part in this research. Quasi experimental has been used to test the control group and the experimental group. Result were collected through reading test in comparing the min score of the two groups. Pretest result shown insignificant (2.5). While for the post test result, the overall score gained by the experimental group for the letters and words tested was 26.4 while for the control group was 20.5. There was very significant difference (5.9) between the two groups. It shows that, song have helped the preschool children in acquiring the early reading of English language much better compared to the conventional method. Thus, implication of this research is, song is very suitable and need to expend in assist the preschool children acquiring the early reading of English language in a better way.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penyataan Masalah	12
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	16
1.6 Hipotesis Kajian	18
1.7 Skop Kajian	19
1.8 Batasan Kajian	20
1.8.1 Subjek Kajian	20
1.8.2 Kemahiran Bacaan Awal	21
1.8.3 Lagu Kanak-Kanak	22



1.8.4	Pemboleh ubah	22
1.8.5	Bahasa	23
1.8.6	Masa dan Kos	23
1.8.7	Jantina	24
1.9	Kepentingan Kajian	24
1.9.1	Guru Prasekolah dan Guru Bahasa Inggeris	24
1.9.2	Pihak Sekolah	25
1.9.3	Penggubal Kurikulum Prasekolah di Malaysia	25
1.9.4	Ibu Bapa	26
1.9.5	Kanak-Kanak Prasekolah	26
1.9.6	Pengkaji Dalam Bidang Prasekolah	27
1.10	Definisi Operasional	27
1.10.1	Bacaan Awal	28
1.10.2	Lagu	29
1.10.3	Kanak-Kanak Prasekolah	29
1.10.4	Kaedah Konvensional	30
1.11	Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Bahasa dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	33
2.3	Kemahiran Bacaan Awal	34
2.4	Kaedah Pembelajaran Bacaan Awal	35
2.4.1	Model Pembelajaran Bacaan Awal	36
2.4.2	Kaedah Fonik Dalam Bacaan Awal Kanak-Kanak	37
2.4.3	Kaedah Seluruh Perkataan/ Kaedah Pandang Sebut	40

2.5 Kepentingan Penguasaan Bacaan Awal	41
2.6 Teori-Teori Berkaitan Pembelajaran Bacaan Awal	42
2.6.1 Teori Perkembangan Bahasa	42
2.7 Teori Yang Menjadi Asas Kepada Pembelajaran Kanak-Kanak	47
2.7.1 Teori Kecerdasan Pelbagai Oleh Howard Gardner	48
2.8 Kepentingan Penggunaan Lagu Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Kanak-Kanak	52
2.9 Kepentingan Mempelajari Bahasa Inggeris	55
2.10 Tinjauan Kajian Dalam Negara Berkaitan Lagu Dalam Aktiviti Pembelajaran	59
2.11 Rumusan	60

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	61
3.2 Rekabentuk Kajian	62
3.3 Kerangka Kajian	63
3.4 Sampel Kajian	65
3.5 Lokasi Kajian	67
3.6 Instrumen kajian	68
3.6.1 Lagu Kanak-Kanak Prasekolah	69
3.6.2 Ujian Pra dan Ujian Pasca Bacaan Awal	70
3.7 Pentadbiran Instrumen	71
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan	71
3.8.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	72
3.9 Prosedur Pelaksanaan Kajian	81
3.10 Peringkat Persediaan Sebelum Kajian Sebenar	83
3.11 Prosedur Pelaksanaan Kajian	84



3.12	Prosedur Memungut Data Kajian	86
3.13	Prosedur Menganalisis Data Kajian	86
3.13.1	Analisis Statistik Deskriptif	87
3.13.2	Analisis Inferensi	88
3.14	Kajian Rintis	93
3.14.1	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Dalam Kajian Rintis	95
3.15	Ujian Pra	98
3.16	Ujian Pasca	99
3.17	Rumusan	100

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	101
4.2	Latar Belakang Subjek Kajian	103
4.3	Dapatan Kajian 1	103
4.4	Dapatan Kajian 2	105
4.5	Dapatan Kajian 3	107
4.6	Dapatan Kajian 4	109
4.7	Dapatan Analisis Data	
4.7.1	Dapatan Ujian Pra	112
4.7.2	Dapatan Ujian Pasca	113
4.8	Rumusan	115

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	116
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	117
5.3	Perbincangan	120





5.4 Implikasi Kajian	129
5.4.1 Implikasi Praktis	129
5.4.2 Implikasi Teori	132
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	135
5.6 Kesimpulan	136
RUJUKAN	137
LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

1.1	Laporan kelemahan aspek penguasaan bacaan kanak-kanak Tahun 1	14
1.2	Set lagu, huruf dan perkataan dalam lagu Bahasa Inggeris kanak-kanak Prasekolah	19
3.1	Sampel kajian mengikut jantung	66
3.2	Item yang diuji bagi setiap kad bacaan mengikut lagu	70
3.3	Maklumat panel penilai instrumen kajian	73
3.4	Reka bentuk media dalam kajian	75
3.5	Kumpulan huruf vokal, huruf konsonan dan perkataan Bahasa Inggeris untuk ujian bacaan awal	76
3.6	Penilaian pakar terhadap kandungan lagu	78
3.7	Skala persetujuan antara pakar terhadap nilai Kappa	79
3.8	Rumusan keseluruhan persetujuan pakar terhadap media dalam kajian	80
3.9	Tahap klasifikasi skor min	88
3.10	Hubungan antara pemboleh ubah	89
3.11	Nilai pekali korelasi	91
3.12	Rumusan Terhadap Instrumen dan Prosedur Analisis Data Bagi Menjawab Soalan Kajian	92





3.13	Nilai alfa Cronbach Instrumen Kajian	95
3.14	Penerimaan Guru Prasekolah Terhadap Media Kajian	97
3.15	Cadangan Penambahbaikan Media Melalui Kajian Rintis	97
4.1	Pencapaian subjek kajian kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan terhadap penguasaan bacaan awal huruf vokal sebelum dan selepas sesi pembelajaran	104
4.2	Pencapaian subjek kajian kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan terhadap penguasaan bacaan awal huruf vokal sebelum dan selepas sesi pembelajaran	106
4.3	Pencapaian subjek kajian kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan terhadap penguasaan bacaan awal huruf konsonan sebelum dan selepas sesi pembelajaran	108
4.4	Pencapaian subjek kajian secara keseluruhan bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan terhadap penguasaan bacaan awal huruf vokal, huruf konsonan dan perkataan Bahasa Inggeris sebelum dan selepas sesi pembelajaran	110
4.5	Rumusan kesan penggunaan lagu terhadap kesemua komponen kemahiran bacaan awal kanak-kanak prasekolah	111





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

2.1	Kerangka teori kajian	51
3.1	Kerangka kajian	64
3.2	Prosedur kajian	85





SENARAI SINGKATAN

ABP	Amalan Bersesuaian Perkembangan
APB	Alat Penguasaan Bahasa
ESL	English as Second Language
KIA2M	Kelas Intervensi Asas Membaca dan Menulis
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
LAD	Language Acquisition Device
LINUS	Literasi dan Numerasi Saringan
MBMMBI	Memartabat Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris
MPT	Mekanisme Penguasaan Tatabahasa
ProBM	Program Bimbingan Membaca dan Menulis
SPSS	Statistical Program for Social Sciences
ZPD	Zone of Proximal Development





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Memohon Kebenaran Mengambil Anak Sebagai Sampel Kajian
- B Borang Penilaian Pakar Lagu Kanak-Kanak
- C Soalan Ujian Pra dan Ujian Pasca
- D Skema Pemarkahan Ujian Pra dan Ujian Pasca
- E Borang Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca
- F Lagu Kanak-Kanak Prasekolah





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini secara khususnya akan membincangkan tentang latar belakang kajian, penyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, skop kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Pengkaji juga akan menghuraikan definisi beberapa istilah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini.

Pendidikan prasekolah merupakan satu masa yang kritikal terhadap perkembangan kanak-kanak. Ia merupakan tapak pendidikan asas yang penting dalam mencorak pembelajaran kanak-kanak pada peringkat seterusnya. Justeru, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah digubal dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dengan kerjasama agensi swasta bagi mewujudkan satu sistem





pendidikan prasekolah yang berkualiti. Tujuan pendidikan prasekolah diperkenalkan adalah untuk menyubur potensi yang ada dalam diri seseorang kanak-kanak itu secara menyeluruh meliputi jasmani, emosi, rohani, intelek, kognitif dan sosial. Hasrat ini dapat dicapai melalui persekitaran yang selamat serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna sebelum mereka memasuki alam persekolahan formal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009).

Menurut Adriyati (2014), bahasa merupakan sarana komunikasi yang perlu ada dalam kehidupan manusia. Kemampuan bahasa seseorang menunjukkan kecekapannya dalam berkomunikasi sewaktu perbualan, penulisan, bacaan mahupun dalam memahami bahasa tersebut. Pelajaran bahasa asing merupakan mata pelajaran yang mengembangkan keterampilan berkomunikasi lisan dan tulisan. Ia berguna untuk memahami dan melengkapkan informasi, pemikiran, perasaan serta mengembangkan ilmu pengetahuan, teknologi dan budaya.

Sejak dahulu lagi, Bahasa Inggeris menjadi bahasa yang penting di peringkat global. Sejajar dengan kedudukannya sebagai bahasa kedua atau ESL (*English as Second Language*), bahasa ini telah menjadi bahasa yang wajib dalam sukatan mata pelajaran di Malaysia. Dalam hal ini, Bahasa Inggeris turut menjadi keperluan termasuk kanak-kanak di peringkat prasekolah untuk menguasainya agar mereka tidak menghadapi kesukaran menghadapi pelajaran formal apabila melangkah ke Tahun Satu. Dalam pembelajaran bahasa kedua, perkara yang perlu diberi keutamaan adalah latihan dan masa yang cukup untuk mempelajarinya (Boo, 2013).





Pelaburan yang dilakukan oleh kerajaan dalam menyediakan pelbagai prasarana di sekolah, bayaran intensif kepada guru serta kursus yang berkaitan kepada para guru terlibat bukan satu jumlah yang kecil. Kerajaan telah membelanjakan jutaan ringgit bagi memastikan hasrat kanak-kanak di Malaysia untuk menguasai Bahasa Inggeris tercapai.

Pengajaran Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak adalah berbeza dengan orang dewasa kerana ciri-ciri yang ada pada kanak-kanak berbeza dengan orang dewasa. Boo (2013) berpendapat, sikap terhadap Bahasa Inggeris yang terbentuk pada kanak-kanak di peringkat ini akan terus kekal di sepanjang persekolahan mereka. Justeru, guru perlu kreatif dan sentiasa peka dengan keperluan dan kehendak kanak-kanak agar mereka mempunyai pengalaman yang menyeronokkan sewaktu mempelajari bahasa kedua ini. Salah satu kemahiran yang perlu diberi perhatian adalah kemahiran bacaan awal kanak-



05-kanak.



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Membaca adalah salah satu kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak. Maklumat yang diperolehi melalui pembacaan dapat dijadikan panduan dalam pelbagai aspek kehidupan. Pelbagai kaedah boleh digunakan oleh pendidik dalam mengajar kemahiran membaca kepada kanak-kanak dalam menguasai kemahiran bacaan awal. Sharifah (2015) menegaskan bahawa, kanak-kanak pada peringkat asas membaca perlu diajar dengan kaedah yang menyeronokkan, mengikut kesesuaian serta minat mereka dan bukannya secara paksaan.

Justeru, pembelajaran bacaan awal untuk kanak-kanak perlu menggunakan kaedah yang menghiburkan serta mampu merangsang pelbagai deria mereka. Menurut





Rashidah (2017) pula, guru prasekolah perlu bertindak proaktif bagi memastikan kanak-kanak prasekolah boleh membaca sebelum mereka melangkah ke sekolah rendah. Ini kerana, kebolehan membaca dan memahami bahan yang dibaca amat penting dalam memahami isi pembelajaran.

Penggunaan lagu dalam pengajaran Bahasa Inggeris bukanlah sesuatu yang baru. Menurut Engh (2013), terdapat banyak kajian lepas membuktikan bahawa penggunaan muzik dan lagu dalam menguasai aspek linguistik ternyata memberi kesan yang sangat positif. Kajian turut membuktikan bahawa kanak-kanak memberi tindak balas terhadap lagu sejak diusia yang masih muda (Ezron, 2016). Justeru, lagu memberi peluang kepada kanak-kanak yang menghadapi kesukaran membaca kerana sifatnya dapat dimainkan berulang kali, menarik dan seronok didengar.



Lagu juga memudahkan pembelajaran berbanding dengan pertuturan, khususnya dalam pembelajaran sesuatu bahasa yang baharu. Ini menunjukkan lagu dan bahasa adalah dua domain kognitif yang berkongsi banyak persamaan. Penggunaan lagu juga boleh meningkatkan perkembangan bahasa kanak-kanak kerana melalui lagu yang mereka dengar, ia berupaya membina pengetahuan tentang sesuatu perkara. Menurut Thares (2010) pula, lagu juga dapat membantu kanak-kanak untuk mengingat maklumat dalam pelbagai aspek.

Selain sebagai bahasa pertuturan seharian, kaedah, pendekatan serta persekitaran merupakan elemen penting dalam membantu meningkatkan penguasaan





kemahiran membaca kanak-kanak. Justeru menurut Rasyidah (2017), guru tidak seharusnya hanya menggunakan latih tubi untuk pembelajaran membaca kerana ia boleh menjadikan sesi pembelajaran itu membosankan. Oleh itu, guru perlu mahir dan jelas tentang kehendak kurikulum, proses belajar dan mengajar kanak-kanak membaca.

Kajian ini memfokuskan penggunaan lagu prasekolah sebagai media dalam pengajaran kemahiran bacaan awal Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak prasekolah berusia lima tahun. Pengalaman yang diperolehi kanak-kanak pada peringkat awal akan memberi kesan secara keseluruhan terhadap perkembangan pembelajaran Bahasa mereka.

1.2 Latarbelakang Kajian



Salah satu tunjang yang menjadi teras dalam pendidikan di prasekolah adalah Tunjang Komunikasi yang memberi fokus kepada kemahiran bahasa dan seni bahasa. Bahasa Inggeris bukan sahaja bahasa ekonomi antarabangsa, malah ia juga merupakan bahasa teknologi. Ia membolehkan negara menjadi lebih kompetitif dalam era dunia tanpa sempadan yang membentuk persekitaran lebih liberal dalam penggunaan perkhidmatan dan sumber. Maharam (2016) berpendapat, keperluan terhadap penguasaan Bahasa Inggeris semakin mendesak dalam era globalisasi sehingga memaksa Perancis, China, Jepun serta beberapa negara lain yang sebelum ini agak tertutup dengan bahasa ini mula mengambil langkah mempelajarinya.





Bermula pada tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan satu dasar baru dalam pengajaran Bahasa Inggeris, iaitu CEFR. Pelaksanaan dasar baharu ini telah dilaksanakan secara besar-besaran bermula dengan murid prasekolah, Tahun Satu dan Dua diperingkat rendah serta Tingkatan Satu di peringkat menengah. CEFR atau *The Common European Framework of References for Languages* adalah satu kaedah pengajaran yang dapat mengukur tahap kecekapan dan penguasaan berbahasa seseorang, termasuklah Bahasa Inggeris. Tahap penguasaan ini diukur melalui enam level yang bermula dari level paling rendah iaitu A1 sehingga level paling tinggi iaitu C2.

CEFR yang dirangka oleh Majlis Eropah pada tahun 1990 ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan penguasaan bahasa asing khususnya kepada para usahawan dan pelajar. Dasar ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan dalam menangani masalah penguasaan Bahasa Inggeris yang masih rendah dalam kalangan pelajar di Malaysia, termasuklah graduan lepasan pengajian tinggi. Jika keadaan ini tidak diberi perhatian serius, Malaysia akan jauh ketinggalan berbanding dengan negara maju yang lain dalam era globalisasi tanpa sempadan ini.

Manakala program Memartabat Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang termaktub dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) jelas membuktikan bahawa, penguasaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan





seseorang khususnya sebagai medium ilmu adalah sangat penting. Bahasa global ini digunakan dengan meluas di kebanyakan negara di dunia dan menjadi wahana dalam komunikasi, penerokaan ilmu serta aplikasi dalam dunia pekerjaan.

Pendidikan prasekolah merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan program pendidikan prasekolah bagi memberi peluang kepada kanak-kanak yang berumur antara empat hingga enam tahun memasuki sistem persekolahan lebih awal terutamanya kepada kanak-kanak dari golongan berpendapatan rendah. Menyedari kepentingan pendidikan prasekolah dalam konteks keperluan untuk negara, maka pendidikan prasekolah tersenarai sebagai salah satu aspek yang menjadi fokus dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (KPM, 2010).



Selaras dengan kehendak serta keperluan semasa bagi memenuhi aspirasi NKRA dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, maka wajarlah kemahiran membaca diberi fokus utama dalam usaha memacu potensi kanak-kanak. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang menjadi sumber rujukan kepada kurikulum di semua prasekolah kerajaan dan swasta ini digubal berdasarkan kepada standard, berbentuk modular serta berkisar kepada enam Tunjang Pembelajaran yang mempunyai kesinambungan dengan peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Enam tunjang tersebut memberi penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran berpaksikan pengetahuan, kemahiran asas serta nilai dalam enam bidang utama iaitu Tunjang Komunikasi, Tunjang Kerohanian; Sikap serta Nilai,





Tunjang Kemanusiaan, Tunjang Sains dan Teknologi, Tunjang Perkembangan Fizikal serta Estetika dan Tunjang Perkembangan Keterampilan Diri (KSPK, 2017). Tunjang pembelajaran yang diperkenalkan dalam menyokong perkembangan bahasa adalah Tunjang Komunikasi yang memberi fokus kepada kemahiran bahasa dan seni bahasa.

Pihak kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif dalam usaha meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris agar rakyat Malaysia menjadi masyarakat yang mampu bersaing di persada antarabangsa. Bahasa Inggeris diajar dengan tujuan untuk melengkapkan murid dengan kemahiran bahasa. Proses ini bermula dari peringkat prasekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi dengan pendedahan terhadap kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (KPM, 2017).

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini adalah berkaitan kemahiran bacaan awal kanak-kanak yang berumur lima tahun di kelas prasekolah kebangsaan. Sebelum masalah kajian dirungkaikan, beberapa aspek berkaitan kemahiran membaca perlu dijelaskan bagi mengetahui latar belakang yang mendorong pengkaji memilih bidang ini sebagai fokus kajian.

Secara umumnya, perkembangan bahasa kanak-kanak bermula sejak kanak-kanak tersebut lahir dan berkembang dengan pengalaman langsung, asuhan, didikan dan galakan yang diberi oleh orang yang lebih dewasa di sekeliling mereka. Kemahiran membaca amat penting dikuasai oleh kanak-kanak bagi membolehkan mereka meneroka dan menggarap ilmu pengetahuan baharu dalam proses tumbesaran mereka.





Menurut Rasyidah (2017), keupayaan membaca merupakan salah satu kemahiran yang sangat penting untuk dikuasai oleh setiap individu. Kemahiran membaca adalah kemahiran asas yang mempengaruhi setiap aspek dalam pembelajaran kanak-kanak, bermula dari umur awal kanak-kanak hingga ke peringkat sekolah menengah. Membaca bertujuan untuk memberi pengalaman yang tidak disangka, menyeronokkan diri, memberi cabaran untuk maju, meneroka perasaan dan melihat kemungkinan orang lain bersetuju atau tidak dengan pendapat kita (Kamisah, 2011).

Ini bermakna, membaca bukanlah semata-mata merupakan satu bentuk pendekodan (mengenal pasti dan menyebut perkataan) tetapi juga satu proses pembentukan dan pemberian makna oleh pembaca ke atas bahan yang dibaca. Aktiviti membaca dan memberi makna merupakan satu proses konstruktif dan dinamik serta saling membantu antara satu sama lain. Oleh yang demikian, kita dapat melihat bahawa pembacaan merupakan satu proses interaksi secara langsung antara pembaca dengan bahan bacaan dan komunikasi secara tidak langsung antara pembaca dengan penulisnya.

Proses membaca juga boleh merangsang kemahiran berfikir kanak-kanak, selain memberi mereka keseronokan meneroka pembelajaran yang lebih jauh. Menurut Naimah, Nor Hashimah dan Hashim (2011), membaca merupakan proses dalaman mental, yang berlaku secara bersepadu antara pemikiran, perasaan dan persepsi pembaca terhadap bahan bacaan.





Minat terhadap bahan bacaan dan proses pembelajaran yang mengarah kepada penguasaan kemahiran membaca patut dipupuk terhadap kanak-kanak seawal usia yang mungkin. Kemahiran membaca merupakan kemahiran untuk hidup. Kemahiran membaca dapat membantu seseorang mendapatkan maklumat berkaitan perkara yang mahu diketahuinya dalam kehidupan seharian atau untuk berkomunikasi.

Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa penguasaan kemahiran membaca menjadi medium untuk kanak-kanak meneroka ilmu, mendapat pengalaman baharu serta pelbagai pengetahuan mengenai dunia di sekeliling mereka (Bingham dan Patton-Terry, 2013). Dapatan kajian lepas juga telah membuktikan bahawa penguasaan kemahiran membaca menjadi jambatan untuk kanak-kanak menggarap ilmu, pembelajaran dan pelajaran baharu. Kanak-kanak yang dapat menguasai kemahiran ini dari usia yang muda biasanya dapat mengharungi dunia akademik dan kerjaya professional mereka dengan jayanya.

Menurut Rasyidah (2017), kanak-kanak yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca akan menghadapi masalah untuk memahami mata pelajaran lain. Masalah dalam pembacaan akan berterusan apabila kanak-kanak meneruskan pendidikan mereka ke persekolahan formal (Horney, Seaton, Tracey, Craven dan Yeung, 2014).





Menurut Zainiah (2013), jika masalah membaca yang bermula pada peringkat pemerolehan pembacaan tidak diatasi segera, ianya pasti akan berlarutan. Menurut teori “Matthew- Effect”, jika dibiarkan permasalahan yang kecil dalam bacaan semasa kanak-kanak di peringkat awal, ianya akan menjadi lebih serius apabila mereka di sekolah rendah dan seterusnya ke peringkat sekolah menengah.

Skop kajian yang ingin diketengahkan oleh pengkaji berfokus kepada bacaan awal Bahasa Inggeris iaitu kemahiran bacaan awal huruf konsonan, huruf vokal dan sebutan perkataan. Menurut Ford (2010), umur tiga hingga lima tahun adalah waktu kanak-kanak cukup bersedia untuk terlibat secara langsung dengan bacaan awal. Pada waktu ini juga kanak-kanak mula menggunakan pengalaman mereka untuk membaca dan menulis.

Dalam usaha menghasilkan bahan bantu pembelajaran bacaan awal kanak-kanak, satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah isu bias gender. Walaupun pada peringkat awal mungkin perkara ini kelihatan remeh, namun bahan bantu belajar yang ada unsur bias gender akan mempengaruhi pencapaian bacaan awal mereka. Bersandarkan kepada beberapa kajian terdahulu, situasi bias gender memberi kesan buruk terhadap perkembangan kanak-kanak (Robb, 2015). Oleh yang demikian, bahan bantu pembelajaran yang dihasilkan perlu bersifat neutral tanpa bias kepada mana-manajantina supaya perkembangan bacaan awal mereka tidak terganggu.

Dalam kajian ini, penggunaan lagu didapati berupaya membina kemahiran kognitif, bahasa dan literasi kanak-kanak yang sangat berkait rapat dengan proses





penguasaan kata sesuatu bahasa. Oleh kerana kanak-kanak terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial, budaya dan pengalaman yang berbeza, suatu kaedah yang dapat memenuhi setiap keperluan kanak-kanak tersebut perlu diberi perhatian (Zainiah, 2013). Penggunaan kaedah pembelajaran yang sesuai perlu dikenal pasti agar dapat merapatkan jurang perbezaan dalam proses pembelajaran kanak-kanak.

Secara umumnya, wujud hubungan yang signifikan antara penguasaan bahasa dan penggunaan strategi pembelajaran bahasa. Begitu juga dengan penguasaan perkataan dan strategi pembelajaran dalam Bahasa Inggeris (Irma, 2017). Pembelajaran sesuatu perkataan adalah satu proses berterusan untuk mengenal perkataan baru dan memahami penggunaannya. Manakala teknik pembelajaran bahasa pula merupakan satu cara untuk menguasai perkataan yang diajar.



1.3 Penyataan Masalah

Masalah penguasaan aspek bacaan awal huruf vokal, huruf konsonan dan sebutan perkataan menjadi penyebab utama keciciran dalam pelajaran, khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Ketidakupayaan kanak-kanak menguasai kemahiran membaca akan menyumbang kepada masalah keciciran (Syarifah, 2015). Asasnya adalah kelemahan dalam mengeja perkataan dan membaca ayat mudah pada peringkat awal membaca sehingga berlarutan kepada kelemahan menguasai aspek membaca untuk tahap seterusnya.





Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) telah digubal dan dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada peningkatan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah agar mereka mampu mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Menurut Sharifah (2015), kegagalan menguasai kemahiran membaca pada peringkat asas akan menjejaskan prestasi pencapaian kanak-kanak dalam semua mata pelajaran.

Kanak-kanak yang belum dapat membaca merupakan satu isu besar dalam sistem pendidikan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia bersama-sama Jabatan Pelajaran Negeri serta Pejabat Pelajaran Daerah telah menyediakan pelbagai program khas dalam menangani masalah ini. Antara program yang pernah diperkenalkan adalah Kemahiran Awal Membaca dan Menulis (KIA2M), Program Literasi dan Numerasi (LINUS) dan Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM) (Kamisah, 2011).



Data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2012 menunjukkan masih terdapat 40,121 orang kanak-kanak (8.98%) di seluruh Malaysia belum dapat menguasai kemahiran literasi membaca pada bulan Oktober ketika di Tahun Satu. Kenyataan ini agak membimbangkan kerana kemahiran membaca adalah kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak dalam menelusuri dunia pendidikan, apatah lagi bagi bahasa kedua seperti Bahasa Inggeris.

Berikut adalah perincian daripada kenyataan akhbar dan kajian lepas yang menunjukkan kelemahan aspek penguasaan membaca kanak-kanak apabila mereka melangkah ke Tahun Satu (Sharifah, 2015; Rasyidah, 2017).



Jadual 1.1

Laporan Kelemahan Aspek Penguasaan Bacaan Kanak-Kanak Tahun Satu

TAHUN	LAPORAN	SUMBER
2012	seramai 40,121 orang murid (8.98%) di seluruh Malaysia belum menguasai kemahiran literasi membaca	Kementerian Pendidikan Malaysia

Walaupun data yang ditunjukkan di atas bukanlah yang terkini, namun ianya tidak boleh diabaikan kerana kelemahan aspek penguasaan bacaan adalah satu aspek yang sangat penting untuk diberi perhatian. Justeru, usaha bagi mengatasi masalah penguasaan kemahiran membaca perlu dimulakan pada peringkat awal kanak-kanak dan bukannya ketika mereka sudah melangkah ke Tahun Satu. Kajian oleh Pope (2012) menunjukkan bahawa, pendedahan awal terhadap kemahiran asas bacaan boleh mempercepatkan pencapaian kanak-kanak dalam kemahiran membaca lancar.

Tidak dinafikan, proses pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Inggeris kepada bukan penutur jati (ESL) adalah satu cabaran yang besar terutama jika persekitaran di sekeliling tidak memberi sokongan.

Menurut Nordin dan Rosmidah (2014), terdapat beberapa kemungkinan murid tidak menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Antaranya adalah kerana terdapat guru yang lebih suka mengajar menggunakan kaedah konservatif dan bahan-bahan bantu mengajar yang bersifat statik.



Dunia sedang menyaksikan perubahan-perubahan besar dalam sejarah pengajaran bahasa yang menyentuh setiap aspek kajian. Senario ini menggambarkan kepada kita bahawa pembelajaran bahasa sentiasa berkembang termasuklah pembelajaran Bahasa Inggeris. CEFR atau *The Common European Framework of Reference for Languages* adalah satu contoh di mana berlakunya perubahan terhadap cara penilaian tahap kemahiran penguasaan bahasa dibuat kepada pelajar, bermula dari kanak-kanak prasekolah sehingga ke peringkat lebih tinggi. Ukuran tahap penguasaan ini berdasarkan kepada enam level iaitu level A1 paling bawah sehingga level C2 iaitu level penguasaan paling tinggi. Kerangka CEFR yang mula diperkenalkan pada tahun 2018 dalam sistem pendidikan di Malaysia ini mencakupi aspek silibus, kurikulum, buku teks dan garis panduan untuk menilai tahap kecekapan Bahasa Inggeris pelajar.



Justeru, kajian ini dijalankan sebagai satu usaha untuk membantu kanak-kanak di prasekolah yang berusia lima tahun untuk menguasai kemahiran membaca Bahasa Inggeris dengan menggunakan bahan bantu pembelajaran yang sesuai dengan tahap dan keupayaan mereka. Bagi mencapai tahap penguasaan bahasa yang dikehendaki berpandukan kepada kerangka CEFR, maka strategi dan pendekatan dan perlulah tepat dan berfokus serta diberi perhatian serius oleh guru agar objektif yang hendak dicapai dapat direalisasikan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk menguji keberkesanan penggunaan lagu terhadap penguasaan bacaan awal huruf vokal, huruf konsonan serta perkataan Bahasa Inggeris



kepada kanak-kanak prasekolah. Kajian ini juga bertujuan untuk membandingkan dua pendekatan yang digunakan dalam pengajaran bagi melihat sama ada lagu membantu kanak-kanak dalam menguasai bacaan awal Bahasa Inggeris mereka.

Objektif kajian ini adalah untuk;

1. Mengenal pasti perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal huruf vokal bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran.
2. Mengenal pasti perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal huruf konsonan bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran.
3. Mengenal pasti perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan perkataan Bahasa Inggeris bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran.
4. Mengenal pasti perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal huruf vokal, huruf konsonan dan perkataan Bahasa Inggeris secara keseluruhan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran.

1.5 Soalan kajian

Dalam kajian ini, pengkaji berharap dapat menjawab empat soalan kajian iaitu;



1. Adakah terdapat perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal huruf vokal bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran?
2. Adakah terdapat perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal huruf konsonan bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran?
3. Adakah terdapat perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal perkataan Bahasa Inggeris bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran?
4. Adakah terdapat perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal huruf vokal, huruf konsonan dan sebutan perkataan Bahasa Inggeris secara keseluruhan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran?

1.6 Hipotesis kajian

Hipotesis kajian merupakan pernyataan yang menunjukkan ramalan tentang hasil kajian.

Kajian ini menggunakan hipotesis nol iaitu:

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal huruf vokal bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran.





Ho 2: Tidak terdapat perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal huruf konsonan bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran.

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan perkataan Bahasa Inggeris bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran.

Ho 4: Tidak terdapat perbezaan terhadap pencapaian dalam penguasaan bacaan awal huruf vokal, huruf konsonan dan perkataan Bahasa Inggeris secara keseluruhan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum dan selepas sesi pembelajaran.



Skop kajian ini meliputi kanak-kanak prasekolah berumur lima tahun berdasarkan kepada tahun kelahiran mereka. Kesemua kanak-kanak ini sedang mengikuti pendidikan di kelas prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian yang melibatkan penggunaan enam buah lagu kanak-kanak prasekolah ini melibatkan huruf vokal, huruf konsonan dan perkataan Bahasa Inggeris seperti dalam jadual di bawah.



Jadual 1.2

Set lagu, huruf serta perkataan dalam lagu Bahasa Inggeris kanak-kanak prasekolah

Set Lagu	Bilangan Huruf/ Perkataan	Huruf/ Perkataan
1	4	a/ e/ i/ o
2	4	a/ e/ i/ u
3	5	f/ t/ z/ c/ l
4	5	n/ p/ m/ j/ b
5	5	Sunday/Monday/Tuesday/ Wednesday/Thursday
6	5	watch/play/draw/read/ go to park

Pemilihan vokal dan konsonan terlibat adalah berdasarkan kepada vokal dan konsonan yang kerap digunakan dalam perkataan Bahasa Inggeris. Walaupun huruf vokal dan konsonan adalah sama dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, namun bunyi yang dihasilkan adalah berbeza apabila huruf-huruf ini digabung. Pemilihan perkataan yang dipilih juga terhad kepada perkataan yang mempunyai sebutan mudah kerana kajian ini terhad kepada kanak-kanak prasekolah berumur lima tahun.

1.8 Batasan Kajian

Kajian yang baik adalah kajian yang dapat mengelakkan bias sama ada dalam pemilihan sampel, prosedur mengumpul data atau menganalisis data. Namun begitu, dalam keadaan tertentu serta kekangan masa, terdapat beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan. Skop kajian menjelaskan aspek yang ingin dikaji oleh pengkaji manakala



batasan kajian pula menjelaskan secara eksplisit perkara yang tidak akan dipertimbangkan dalam sesuatu kajian. Menurut Noraini (2010), segala kesamaran dalam kajian dan kerumitan ketika menginterpretasi dapatan kajian dapat dihindari melalui penjelasan skop dan batasan kajian. Beberapa batasan dalam kajian ini adalah seperti:

1.8.1 Subjek Kajian

Kajian ini ditujukan khas kepada kanak-kanak prasekolah yang berumur lima tahun sahaja sebagai sampel. Bagi kanak-kanak yang berumur kurang dari lima tahun seperti kanak-kanak taska, maka kajian lain perlu dilakukan bagi melihat tahap penguasaan bacaan awal Bahasa Inggeris. Justeru, sebarang hasil dapatan kajian tidak sesuai digunakan terhadap mereka.



Sampel kajian ini juga hanya melibatkan 40 orang sahaja kanak-kanak prasekolah. Persampelan ini juga terhad kepada kanak-kanak yang berada dalam prasekolah kebangsaan di satu daerah. Maka kajian lanjutan yang melibatkan sampel yang lebih besar perlu dilakukan. Ini bermakna, kajian ini tidak dapat mewakili hasil kajian ke atas kanak-kanak prasekolah di seluruh negara.

Berdasarkan reka bentuk kajian kuasi-eksperimental yang digunakan dalam kajian ini, struktur kelas, kanak-kanak dan pendidik yang terlibat tidak boleh diubah. Oleh itu, keputusan kajian ini terbatas kepada kanak-kanak dalam kumpulan umur yang disebutkan





sahaja dan tidak merujuk kepada kanak-kanak dalam kumpulan umur yang lain walaupun dikendalikan oleh pendidik yang sama. Selain itu, kajian ini juga tidak dapat mengawal minat dan dedikasi guru yang mengajar mereka dalam mempengaruhi kecenderungan sampel terhadap lagu sewaktu proses pengajaran penguasaan bacaan awal Bahasa Inggeris dijalankan.

1.8.2 Kemahiran Bacaan Awal

Kajian ini terbatas kepada kemahiran bacaan awal huruf vokal, huruf konsonan serta perkataan Bahasa Inggeris. Kemahiran bacaan awal yang diuji pula melibatkan huruf vokal, huruf konsonan dan perkataan dalam Bahasa Inggeris yang dinyatakan sahaja.

Justeru, pencapaian bacaan awal huruf serta perkataan Bahasa Inggeris dalam kajian ini merujuk kepada huruf dan beberapa perkataan yang terlibat sahaja, bukan kesemua huruf abjad yang ada.

1.8.3 Lagu kanak-kanak

Selain itu, dari aspek pemilihan lagu pula hanya terhad kepada lagu kanak-kanak prasekolah sahaja. Lagu yang tidak sesuai dengan imej budaya setempat boleh mendatangkan kekeliruan terhadap kanak-kanak seterusnya boleh mempengaruhi kesan ke atas penguasaan bacaan awal Bahasa Inggeris. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan lagu kanak-kanak prasekolah dalam Bahasa Inggeris sahaja, tidak





termasuk lagu dalam bahasa yang lain. Sebanyak enam buah lagu dipilih dengan empat daripadanya adalah lagu Bahasa Inggeris Prasekolah sedia ada, manakala dua buah lagu lagi lagu Bahasa Inggeris berentak dikir barat. Dikir barat adalah lagu rakyat tradisional yang terkenal di negeri Kelantan.

1.8.4 Pemboleh ubah

Kajian ini juga terbatas berdasarkan kepada keputusan yang diperoleh berdasarkan kepada pemboleh ubah dan instrumen kajian yang telah disebutkan. Pengkaji telah melakukan usaha bagi mengawal pengaruh daripada pemboleh ubah extraneous (*extraneous variable*). Oleh itu, kajian ini tidak mengambil kira faktor-faktor lain yang tidak disebut yang mungkin boleh mempengaruhi pencapaian kemahiran membaca kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini.



1.8.5 Bahasa

Kajian ini hanya melibatkan pembelajaran bacaan awal huruf vokal, huruf konsonan dan beberapa perkataan yang dipilih dalam Bahasa Inggeris sahaja. Oleh itu, sistem sebutan, ejaan dan kaedah pembelajaran bagi bahasa-bahasa lain mungkin berbeza dengan sistem pembelajaran Bahasa Inggeris. Keputusan kajian pula adalah mengkhusus kepada pencapaian kanak-kanak dalam pembelajaran bacaan awal Bahasa Inggeris sahaja, bukan melibatkan bahasa-bahasa lain.





1.8.6 Masa dan kos

Kajian ini bersifat terbatas dari segi faktor masa. Sewaktu melakukan kajian ini, pengkaji perlu akur dengan jadual waktu yang telah ditetapkan oleh guru kanak-kanak prasekolah agar tidak mengganggu proses pembelajaran subjek lain.

Faktor kos juga membataskan kajian ini untuk dilakukan dalam tempoh yang lebih lama serta di tempat lain juga. Kesannya, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisai ke atas keseluruhan kanak-kanak prasekolah di Malaysia akan keberkesanan kaedah yang digunakan. Selain itu, kebolehpercayaan dan ketepatan kajian ini juga bergantung kepada *mood* kanak-kanak sewaktu melakukan aktiviti serta pendekatan guru semasa sesi pembelajaran.



1.8.7 Jantina

Kajian ini juga tidak melibatkan isu jantina secara khusus. Oleh kerana bilangan jantina yang tidak seimbang maka terdapat perbezaan dari segi jumlah sampel di antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Kekangan dari segi jantina ini adalah kerana bilangan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang tidak seimbang di dalam sesebuah kelas menyebabkan pengkaji tidak mengambil kira faktor jantina sewaktu kajian. Perbezaan jantina ini berkemungkinan turut mempengaruhi sikap mereka sewaktu dianalisis akan keberkesanan penggunaan lagu dalam aspek penguasaan bacaan awal Bahasa Inggeris.





1.9 Kepentingan Kajian

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa kepentingan ke atas kajian ini. Antaranya adalah:

1.9.1 Guru Prasekolah dan Guru Bahasa Inggeris

Dapatan kajian ini memberi manfaat kepada guru prasekolah agar dapat memberi lebih perhatian terhadap keperluan, keberkesanan dan kecenderungan kanak-kanak dalam meningkatkan aspek penguasaan terhadap bacaan awal Bahasa Inggeris. Golongan pendidik seperti guru Bahasa Inggeris juga dapat mengaplikasi prinsip penggunaan lagu secara tekak, koheran dan kreatif dalam pengajaran mereka. Pengkaji juga mendapati kajian ini membantu guru dalam menyediakan rancangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang lebihberkesanan dan menarik.



1.9.2 Pihak sekolah

Dapatan kajian ini juga dapat memberi ruang kepada pihak sekolah untuk merancang, menyusun dan menyokong aktiviti atau program yang dapat meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris khususnya kemahiran bacaan awal dalam kalangan kanak-kanak sama ada di dalam kelas atau di luar kelas.





1.9.3 Penggubal Kurikulum Prasekolah di Malaysia

Menjadi harapan pengkaji agar dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai panduan untuk menerapkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kemahiran bacaan awal Bahasa Inggeris serta penggunaan lagu dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Inggeris khususnya secara lebih meluas. Pengkaji juga berharap agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dapat merancang kursus yang berkaitan penggunaan lagu secara intensif dalam memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris terhadap penguasaan kemahiran bacaan awal ini.

1.9.4 Ibu bapa



Walaupun kajian ini tidak berfokus kepada ibu bapa, namun pengkaji sedar bahawa ibu bapa merupakan pihak yang penting dalam proses pendidikan dan perkembangan kanak-kanak. Kajian ini dilihat dapat membantu ibu bapa yang kurang pengetahuan dalam Bahasa Inggeris dalam usaha membantu anak mereka belajar di rumah. Lagu ini boleh dirakam menggunakan teknologi digital dan seterusnya boleh diagihkan kepada ibu bapa sebagai sumber pendidikan di rumah.





1.9.5 Kanak-kanak Prasekolah

Kajian ini signifikan kepada kanak-kanak prasekolah yang berumur lima tahun sebagai persediaan mereka sebelum melangkah ke Tahun Satu kelas perdana. Lagu yang digunakan oleh pengkaji ini menarik, sesuai dan menepati isi kandungan silibus prasekolah kebangsaan. Lagu-lagu ini juga adalah berpanduan kepada prinsip untuk merangsang kecerdasan pelbagai yang sedia ada dalam diri kanak-kanak. Pengkaji turut mengambil kira minat dan sifat semulajadi kanak-kanak yang gemar kepada ransangan audio, menyanyi dan bergerak dalam proses pembelajaran mereka. Dalam aspek ini, kanak-kanak bukan sahaja ditekankan dengan kemahiran bacaan awal huruf dan perkataan Bahasa Inggeris tetapi juga memahami makna perkataan yang mereka sebut secara tidak langsung.



1.9.6 Pengkaji Dalam Bidang Prasekolah

Kajian ini juga dilihat signifikan kepada para pengkaji dalam bidang pendidikan prasekolah yang berminat untuk mengembangkan kajian dalam kemahiran bacaan awal huruf dan perkataan Bahasa Inggeris. Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan untuk mempelbagaikan alternatif dari segi strategi, kaedah atau media pembelajaran Bahasa Inggeris untuk kanak-kanak. Selain itu, rujukan terhadap kajian ini juga berguna kepada pengkaji yang ingin mendalami lagi skop kajian mereka dalam bidang kemahiran bacaan awal huruf dan perkataan Bahasa Inggeris.





Kesemua kepentingan yang dinyatakan adalah bertujuan mencari solusi terhadap permasalahan penguasaan kemahiran membaca awal huruf dan perkataan dalam Bahasa Inggeris di peringkat kanak-kanak prasekolah.

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan definisi yang digunakan oleh pengkaji untuk menjelaskan sampel kajian dan pemboleh ubah yang hendak diuji dalam kajian ini. Penggunaan istilah kajian yang tepat perlu dijelaskan secara terperinci. Tafsiran dan definisi yang sesuai serta tepat memudahkan pemahaman pembaca terhadap kandungan dan arah tuju kajian yang ingin dicapai.



1.10.1 Bacaan awal

Bacaan awal merujuk kepada waktu di mana kanak-kanak mula dapat mengenal pasti huruf dan bunyi. Apabila kanak-kanak telah dapat membunyikan simbol daripada huruf, suku kata atau sesuatu perkataan, maka mereka telah memulakan proses bacaan awal (Rasyidah, 2017). Pada ketika ini juga, kanak-kanak sudah boleh mengenal pasti bunyi permulaan, pertengahan dan akhiran sesuatu perkataan. Proses bacaan awal seterusnya adalah mengecam, membunyikan suku kata yang dilihat dalam cetakan, membaca perkataan, frasa atau ayat serta dapat mengetahui maknanya dalam konteks yang betul.





Dalam kajian ini, bacaan awal merujuk kepada proses awal untuk kanak-kanak belajar membaca dengan membunyikan lima huruf vokal iaitu a, e, i, o dan u. Selain huruf vokal, huruf konsonan yang terlibat adalah f, t, z, c, l, n, p, m, j dan b. Manakala beberapa perkataan yang dipilih dalam kajian ini adalah Sunday, Monday, Tuesday, Wednesday, Thursday, watch, play, draw, go to park dan read. Bacaan awal dalam kajian ini juga merujuk kepada bacaan perkataan yang menggabungkan huruf vokal dan huruf konsonan.

Proses pembelajaran bacaan awal kanak-kanak juga bersifat ansur maju iaitu daripada isi pembelajaran yang mudah kepada yang lebih susah (Husin, Nazariyah, Mastura dan Siti Hajar, 2011). Dalam kajian ini, kanak-kanak diajar membaca huruf terlebih dahulu sebelum diajar membaca perkataan.



1.10.2 Lagu

Lagu merupakan gubahan seni nada atau suara dalam urutan, kombinasi dan hubungan temporal. Lagu kanak-kanak adalah lagu yang dirancang dengan lirik dan melodi yang sesuai dengan karakteristik dan kemampuan kanak-kanak. Melodi lagu kanak-kanak umumnya bertempo sedang dan bersifat pengulangan. Sementara liriknya disusun dengan bahasa yang sederhana, mudah diucapkan dan diulang-ulang.

Dalam konteks kajian ini, sebanyak enam buah lagu kanak-kanak prasekolah telah digunakan dengan susunan perkataan yang sesuai dan mudah disebut.





1.10.3 Kanak-kanak prasekolah

Pendidikan prasekolah didefinisikan sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam persekolahan di peringkat sekolah rendah (Suppiah, 2015). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kanak-kanak prasekolah adalah mereka yang terdiri daripada kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Dalam kajian ini, kanak-kanak prasekolah yang terlibat ialah mereka yang berumur lima tahun dan belajar di prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.10.4 Kaedah konvensional

Kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional adalah kaedah yang merujuk kepada penggunaan papan putih, bahan gambar dan bukan gambar, kad perkataan, pita rakaman serta alatan pemancar (*projector*) serta pembacaan bahan bertulis seperti buku teks (Boo, 2013). Dalam kajian ini, kaedah konvensional yang digunakan merangkumi papan putih dan kad perkataan.

1.11 Rumusan

Kemahiran bacaan awal menjadi satu keperluan kepada kanak-kanak untuk dikuasai kerana ia menjadi asas terhadap kefahaman kanak-kanak dalam menguasai sesuatu mata pelajaran di sekolah.





Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan beberapa keperluan untuk kajian ini dijalankan dengan mengambil kira polisi, standard dan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, perkembangan semasa dan jangkaan tuntutan terhadap pendidikan prasekolah pada masa hadapan juga diambil kira dalam perancangan pelaksanaan kajian ini. Justifikasi yang diberi diharap dapat menjelaskan fokus dan hala tuju kajian demi kemajuan dan perkembangan pendidikan prasekolah di Malaysia.

